

## **Kumpulan Pengurusan dan Profesional**

Jumlah Kekosongan Jawatan - **TETAP: 1**

Penempatan Jawatan: FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN, GAMBANG

### **PENSYARAH UNIVERSITI GRED DS45/DS51/52/DS53/54/VK7/VK6/VK5**

#### **A. PENSYARAH UNIVERSITI GRED DS45 ;**

Tangga Gaji RM3,070.00 (minimum) - RM11,095.00 (maksimum)

#### **B. PENSYARAH UNIVERSITI GRED DS51 ;**

Tangga Gaji RM5,855.00 (minimum) - RM12,445.00 (maksimum)

#### **C. PROFESOR MADYA GRED DS53 ;**

Tangga Gaji RM6,162.00 (minimum) - RM13,235.00 (maksimum)

#### **D. PROFESOR GRED KHAS C (VK7) ;**

Tangga Gaji RM7,676.00 (minimum) - RM20,592.00 (maksimum)

### **1. CALON HENDAKLAH MEMILIKI KELAYAKAN ASAS SEPERTI BERIKUT:**

- a. warganegara Malaysia;
- b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c. calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

#### **KELAYAKAN LANTIKAN BAGI JAWATAN PENSYARAH UNIVERSITI GRED DS45**

- d. (i) ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred DS45: RM3,070.00); atau
- (ii) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred DS45: RM3,380.37); atau

#### **KELAYAKAN LANTIKAN BAGI JAWATAN PENSYARAH UNIVERSITI GRED DS51**

- e. (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan (1.d.) ;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan (Gaji permulaan ialah pada Gred DS51: RM5,855.00)

### **KELAYAKAN LANTIKAN BAGI JAWATAN PROFESOR MADYA GRED DS53**

- f. (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan (1.d.) ;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DS53: RM6,162.00).

### **KELAYAKAN LANTIKAN BAGI JAWATAN GRED KHAS C (PROFESOR)**

- g. (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan (1.d.) ;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Khas C: RM7,676.00).

### **Keutamaan kepada calon:**

-

Mempunyai kemahiran dalam bidang:

1) Electrical

1. Mempunyai PhD di dalam bidang Kejuruteraan Elektronik atau Kejuruteraan Komputer dan membuat pengkhususan di dalam Embedded System/robotik atau setara.
2. Mempunyai pengalaman bekerja di industri berkaitan selama sekurang-kurangnya 3 tahun.
3. Mempunyai kemahiran luas berkenaan pemprosesan komputer.

## **PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMP berasaskan pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

## **SYARAT-SYARAT UMUM**

Pemohon-pemohon yang memohon jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

## **TARAF JAWATAN**

Jawatan akan dilantik secara Tetap / Kontrak.

## **UMUR PADA TARIKH TUTUP IKLAN**

Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

## **CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian dengan mengisi maklumat pemohon di laman web UMP, [E-recruitment UMP](#)

## **PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT**

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan tiga (3) tahun terakhir, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan ulasan majikan sama ada menyokong atau tidak permohonan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, Para 18. Sila hantarkan ke alamat berikut :

## **BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**

### **JABATAN PENDAFTAR**

**CANSELERI TUN ABDUL RAZAK  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG,  
26600 PEKAN,  
PAHANG DARUL MAKMUR  
(U/P : UNIT PELANTIKAN)**

## **CATATAN AM**

- (a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga melalui e-mel yang telah berdaftar dengan UMP.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Pemohon yang pernah membuat permohonan pada iklan-iklan yang lalu dinasihatkan mengemukakan semula permohonan jika masih berminat dan layak.

## **PERMOHONAN ATAS TALIAN**

TARIKH BUKA : 08/11/2018  
TARIKH TUTUP : 22/11/2018